| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Maksud potongan ayat yang bergaris:<br>- Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT dalam kalangan kamu ialah orang yang paling bertakwa.(2m)<br>- Orang yang paling mulia ialah orang yang bertakwa (2m) | 2m |
| | | (ii) | Sebab turun ayat 13 surah al-Hujurat ialah:<br>- Rasulullah SAW telah meminta Saidina Bilal bin Rabah untuk melaungkan azan semasa pembukaan kota Mekah (1m).Terdapat sahabat yang telah memandang rendah kepada Saidina Bilal(1m) dan Jibril telah memberitahu Rasulullah SAW perbuatan para sahabat tersebut(1m) lalu Rasulullah SAW memanggil mereka dan bertanyakan tentang tindakan mereka(1m). Lalu turunlah ayat ini. | 4x1m=4m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran: (see rubric below)<br><br>Kepelbagaian bangsa dalam sesebuah negara akan melahirkan masyarakat yang harmoni.<br>Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.<br><br>Cadangan isi :<br>- Menjamin perpaduan dan perhubungan yang baik.<br>- Menggalakkan interaksi / kerjasama.<br>- Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam.<br>- Mengeratkan sillaturrahim dalam kalangan masyarakat.<br>- Menyuburkan perasaan kasih sayang sesama anggota masyarakat.<br>- Kepelbagaian bangsa mewujudkan kepelbagaian budaya yang menuntut sikap toleransi antara masyarakat yang berbilang kaum<br>- Kepelbagaian bangsa melahirkan sifat ingin mengenali antara satu sama lain yang mendidik sifat keterbukaan bersosial<br>- Kepelbagaian bangsa menuntut sikap saling menghormati yang tinggi antara kaum.<br><br>Fokus jawapan: sebab/ kesan positif | 4m |

Rubrik penskoran (iii):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | Maksud berdikari ialah<br>- Berusaha sendiri (1m) dan tidak bergantung pada bantuan orang lain. (1m) | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua kelebihan berdikari.<br>- Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin.<br>- Umat Islam mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal kerana diusahakan sendiri mengikut syariat.<br>- Dapat melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran.<br>- Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkat taraf hidup.<br>- Ekonomi negara menjadi kukuh kerana rakyatnya berdaya maju.<br>- Menjadi tempat rujukan kerana memiliki kepakaran.<br>- Lahir masyarakat pemberi kerana memahami tuntutan agama.<br>- Umat Islam akan dihormati kerana gigih mengejar cita-cita.<br><br>Catatan:<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 x 1m = 2m |
| | | (iii) | Pengajaran yang dapat diambil daripada hadis di atas.<br>- Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal (1m) walaupun hasilnya sedikit (1m).<br>- Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain (1m) demi memelihara kemuliaan dan maruah diri (1m).<br>- Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran (1m) untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik (1m).<br>- Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan (1m) agar hidup dirahmati (1m) | 2 x 2m = 4m<br><br>I = 1m<br>H = 1m |
| | (c) | | Dua jenis waqaf<br>- Waqaf Tam<br>- Waqaf Kafi<br>- Waqaf Hasan<br>- Waqaf Qabih | 2 x 1m = 2m |
| 2 | (*a*) | (i) | Maksud al-Muntaqim<br>- Nama Allah yang menunjukan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m). | 1x2m=2m |
| | | (ii) | Dua bukti kefahaman anda mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim<br>- Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran<br>- Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dukhan, iaitu kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah saw.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas. | 2x2m=4m |

Scanned with CamScanner

(iii) Rubrik penskoran

| | |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan jawapan:

- Murid sentiasa sedar dan yakin bahawa Allah SWT akan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.
- Murid meyakini bahawa seksaan neraka adalah azab Allah SWT terhadap manusia yang tidak mahu mengambil peringatan dari al-Quran
- Murid akan sentiasa menjadikan contoh-contoh azab Allah SWT terhadap umat yang terdahulu sebagai iktibar dalam kehidupan.
- Murid akan sentiasa mengamalkan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah saw demi mengelak azab Allah SWT terhadap golongan yang menentang ajaran para Nabi dan Rasul

4m

(*b*) (i) Nama-nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah

- As-Salaf as-Soleh
- As-Sawad al-Aa'zam
- Al-Asya'irah
- Al-Maturidiyah
- Ahlu al-Hadis

2 x 1m = 2m

(ii) Perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Muktazilah berkaitan isu berikut:

(a) Adakah al-Quran makhluk?

| | |
|---|---|
| Meyakini bahawa al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang bersifat qadim (sedia ada) | Mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk yang bersifat hadis (baharu) |

2m

(b) Kedudukan iman

| | |
|---|---|
| Mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan. | Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran. |

2m

Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah<br>- Mendapat keredaan Allah SWT<br>- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan<br>- Memelihara kesucian agama Islam<br>- Menjamin keamanan negara<br>- Mengelak Umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat<br>- Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan<br>- Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau | 2 x 2m = 4m |
| 3 | (a) | (i) | Maksud solat sunat Duha<br>- Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari. | 2m |
| | | (ii) | Kaifiat menunaikan solat sunat Duha dari aspek berikut<br>- Lafaz niat : Sahaja aku solat sunat Duha 2 rakaat kerana Allah ta'ala<br>- Bilangan rakaat : 2 , 4 , 6 atau 8 rakaat<br>- Cara pelaksanaan: digalakkan secara bersendirian<br>- Bacaan dalam solat: rakaat 1 : surah al-Fatihah , surah al-Syams atau surah lain<br>: rakaat 2 : surah al-Fatihah, surah al-Dhuha atau surah lain.<br>- Menyempurnakan rukun-rukun lain sehingga memberi salam. | 2 x 1m = 2m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran (see below)<br>Cadangan isi<br>- Memasukkan ke dalam jadual harian<br>- Menggunakan waktu rehat di sekolah untuk menunaikan solat sunat Duha<br>- Mengajak rakan-rakan untuk menunaikan solat sunat Duha bersama-sama<br>- Menghebahkan kebaikan solat sunat Duha | 4m |
| | (b) | (i) | Dua jenis talak<br>- Talak raji<br>- Talak bain | 2 x 1m = 2m |

Rubrik penskoran

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Scanned with CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi<br>- Mengikuti kursus perkahwinan<br>- Menghadiri sesi kaunseling bagi pasangan yang bermasalah<br>- Melaksanakan tanggung jawab suami isteri dengan baik<br>- Mengamalkan cara hidup Islam dalam rumah tangga</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Dua rukun faraid<br>- Orang yang mewariskan harta<br>- Waris<br>- Harta pusaka</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Pembahagian harta<br>- suami : 1/4<br>- bapa : 1/6 dan asabah<br>- ibu : 1/6<br>- seorang anak perempuan : ½</td><td>4 x 1m = 4m</td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Fakta sejarah daripada aspek berikut<br>(a) Pengasas : Muawiyah bin Abi Sufian<br><br>(b) Pusat pemerintahan : Damsyik, Syria</td><td>1m<br><br>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua sumbangan khalifah Umar bin Abdul Aziz<br>- Mengecualikan bayaran cukai jizyah terhadap kafir zimmi sehingga ramai yang memeluk Islam<br>- Mengeluarkan arahan rasmi kepada Ibnu Syihab al-Zuhri untuk membukukan hadis Rasulullah SAW<br>- Membina rumah transit untuk para pedagang<br>- Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital, jambatan, perigi, jalan raya dan sistem pengangkutan awam<br>- Mengasaskan Dewan Penasihat yang dianggotai oleh para ulama untuk memberikan nasihat kepada khalifah.</td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
</table>

Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Dua iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah<br>- Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan al-Sunah dalam urusan kepimpinan(1m) agar syariat Islam dapat ditegakkan(1m)<br>- Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia yang ada pada khlifah Islam(1m) seperti zuhud, tegas, berilmu dan bijaksana(1m)<br>- Kita hendaklah menjaga hubungan baik dengan rakyat(1m) agar hidup harmoni(1m)<br>- Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan(1m) agar mengeratkan kasih sayang(1m)<br>- Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi(1m) dalam mempertahankan kedaulatan negara(1m)<br>- Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan(1m) agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam(1m) | 2 x 2m = 4m<br>Isi=1m<br>Huraian=1m |
| | (b) | (i) | Dua ketinggian akhlak Profesor Emiritus Tan Sri Dr. Ahmad bin Ibrahim<br>- Suka menyebarkan ilmu<br>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | Dua sumbangan beliau dalam tamadun Islam<br>Hasil Karya<br>- Buku-buku undang-undang keluarga Islam di Malaysia seperti Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia / Family Law in Malaysia<br>- Pelopor jurnal hukum<br>- Menghasilkan buku-buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia: Sistem Undang-undang Malaysia / Islamic Law in Malaysia<br><br>Kehakiman<br>- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br><br>Perundangan<br>- Anggota panel pengasas Kuliah Undang-undang di Unversiti Islam Antarabangsa Malaysia<br>- Pengasas dan penggubal enakmen Undang-undang Islam (hudud dan qisas) Kelantan pada tahun 1991 | 2 x 2m = 4m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran (see table below)<br><br>Cadangan isi<br>- Berterusan mendalami pelbagai bidang ilmu pengetahuan<br>- Berlapang dada menerima perbezaan pandangan<br>- Kuat beribadat<br>- Menghormati para ulama<br>- Mengamalkan akhlak Islam | 4m |

Rubrik penskoran

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | Maksud wasatiyah<br>- Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan | 2m |
| | | (ii) | Dua aspek kesederhanaan dalam wasatiyah<br>- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab<br>- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah.<br>- Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi. | 2 x 2m = 4m |
| | | (iii) | Rubrik penskoran (see table below)<br><br>Cadangan isi<br>- Tidak memenangkan mana-mana pihak<br>- Berusaha mendamaikan pergaduhan tersebut<br>- Menasihati supaya berbaik semula<br>- Melaporkan kepada guru disiplin | 4m |
| | (b) | (i) | Maksud istiqamah<br>- Ketaatan yang berterusan (1m) dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya (1m). | 2x1m=2m |
| | | (ii) | **Dua** cara anda memiliki sifat istiqamah<br>- Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu (1m) agar berterusan mengamalkan sifat mahmudah (1m)<br>- Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah (1m) agar dapat melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan-Nya secara berterusan (1m)<br>- Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para rasul (1m) yang istiqamah melakukan kebaikan (1m)<br>- Sentiasa muhasabah diri (1m) agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan (1m)<br>- Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah (1m) supaya menjadi amalan dalam kehidupan (1m)<br>- Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin (1m ) dalam melakukan kebaikan (1m) | 2 x 2m = 4m<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |

Rubrik penskoran (5(a)(iii)):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Scanned with CamScanner

(iii) Rubrik penskoran

| | |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

4m

Cadangan isi

- Supaya membentuk insan yang teguh pendirian
- Memperkukuhkan jati diri dengan sifat sabar
- Memupuk sikap sanggup berkorban harta dan nyawa
- Melahirkan sifat kebersamaan dalam masyarakat
- Melahirkan individu yang berakhlak mulia

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

Scanned with CamScanner